

**SESI LIBAT URUS BERSAMA KERAJAAN NEGERI  
PERLIS  
PENYEDIAAN RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS,  
2021-2025 (RMKe-12)**

**TRANSKRIP UCAPAN MUKADIMAH OLEH  
YB SENATOR DR. RADZI JIDIN  
TIMBALAN MENTERI HAL EHWAL EKONOMI**

**6 OGOS 2019  
KOMPLEKS DEWAN UNDANGAN NEGERI PERLIS  
KANGAR, PERLIS**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera.

**Yang Amat Berhormat Dato' Seri Azlan Man**

Menteri Besar Perlis

**Yang Berhormat Tuan Azman Mohd Yusof**

Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis

**Yang Berusaha Encik Ahmad Zamri Khairuddin**

Pengarah Bahagian Pembangunan Wilayah

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

**Yang Berhormat Tuan Wan Jeffry**

Penasihat Undang Undang

**Yang Berusaha Tuan Nasaruddin**

Pegawai Kewangan Negeri Perlis

Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

Pegawai-pegawai dari Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

Saudara-saudari, tuan puan yang saya hormati sekalian.

1. Pertama sekali, saya ingin sampaikan salam daripada YB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, Menteri Hal Ehwal Ekonomi kerana beliau tidak dapat hadir pada hari ini dan seperti mana yang kita tahu hari ini adalah sesi libat urus antara Kerajaan Negeri Perlis bersama dengan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan ini merupakan negeri yang ke-7.
2. Kita mula di Melaka, daripada Melaka kita ke Johor, daripada Johor ke Perak. Daripada Perak ke Sabah, daripada Sabah ke Sarawak. Daripada Sarawak ke Pulau Pinang dan sekarang Perlis. Dan kita akan selesaikan sesi libat urus ini pada awal September.
3. Ini merupakan satu usaha daripada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi untuk mendapat input, mendapat *feedback* daripada Kerajaan Negeri dalam merangka Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Kita tidak mahu RMKe-12 ini semata-mata menggunakan *top-down approach* maknanya kita nak buat kita tekan ke bawah, kita mahu *bottom-up approach as well* daripada pemegang-pemegang taruh. Ini bahasa-bahasa baharu ini, daripada *stakeholders* termasuklah Kerajaan-kerajaan Negeri.

4. Dan apabila kita bercakap tentang sesi libat urus ini pihak Kementerian bukan sahaja berbincang dengan Kerajaan Negeri tetapi juga dengan pihak industri, dengan akademia, dengan NGO dan dengan pelbagai pihak. Ini merupakan satu sesi libat urus yang komprehensif.
5. Dan seperti mana yang disebut oleh YAB Menteri Besar sebentar tadi bahawa ini bukan *the end of it*, ini adalah permulaan untuk kita mendapat gambaran daripada pihak Kerajaan Negeri untuk menjajarkan aspirasi Kerajaan Persekutuan bersama dengan Kerajaan Negeri supaya kita dapat rasa bahawa RMKe-12 ini merupakan dokumen milik kita semua.
6. Bukan sahaja dokumen Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, bukan dokumen Kerajaan Pusat tetapi adalah milik Kerajaan Negeri, milik rakyat negeri Perlis dan milik seluruh rakyat Malaysia. Oleh sebab itulah kita ingin satu sesi libat urus yang cukup meluas, cukup komprehensif dan ini akan dijelaskan oleh Puan Noraini dalam pembentangan sekejap lagi.
7. Cuma saya ingin sentuh sedikit apa yang disebut oleh YAB Perdana Menteri dalam perutusan beliau semasa

setahun penubuhan kerajaan baharu pada 9 Mei, seperti mana yang saudara-saudari sedia maklum pada hari tersebut YAB Perdana Menteri memperkenalkan wawasan atau gagasan Kemakmuran Bersama.

8. Wawasan Kemakmuran Bersama ini mempunyai *ultimate* hasratnya adalah supaya rakyat Malaysia secara keseluruhannya mendapat satu kehidupan yang wajar atau *decent standard of living by 2030* selari dengan wawasan Negeri Perlis dan banyak negeri-negeri lain yang kita pergi pun mempunyai wawasan untuk membawa negeri masing-masing ke tahap yang lebih tinggi pada tahun 2030.
9. Dan jika kita lihat Wawasan Kemakmuran Bersama ini mempunyai 3 objektif utama. Izinkan saya sentuh sedikit 3 objektif ini.
10. Pertamanya adalah untuk merapatkan jurang ekonomi. Apabila kita bercakap tentang jurang ekonomi ini, satu jurang yang jelas yang kita dapat lihat adalah jurang antara kelas pendapatan, yang mana yang kaya semakin kaya, yang miskin semakin jauh ketinggalan. Jurang itu semakin melebar. Data-data menunjukkan walaupun

pelbagai usaha telah dibuat tetapi jurang itu masih lebar. Itu usaha pertama untuk merapatkan jurang antara kelas pendapatan.

11. Yang kedua adalah untuk merapatkan jurang antara wilayah dan inilah antara keutamaan atau penekanan yang Kerajaan ingin berikan. Jika kita lihat ada negeri-negeri atau wilayah-wilayah yang jauh ke terdapan daripada wilayah-wilayah atau negeri-negeri atau bandar-bandar yang lain. Ada yang jauh ke terbelakang, ada yang jauh ketinggalan.
12. Jadi apabila kita bercakap tentang *Shared Prosperity*, Kemakmuran Bersama. Kita inginkan seluruh rakyat merasa nikmat kemakmuran tersebut. Tidak kiralah daripada Perlis sampai ke Sabah dapat merasai nikmat kemakmuran negara, nikmat hasil daripada pembangunan negara.
13. Yang ketiga adalah jurang dari segi ekonomi di antara kaum. Suka atau tidak apabila kita bercakap tentang jurang kelas pendapatan ini, siapa yang susah, siapa yang miskin, Kerajaan akan memberi tumpuan kepada kumpulan tersebut. Jurang wilayah, wilayah yang mana

ketinggalan, Kerajaan akan beri tumpuan kepada wilayah tersebut.

14. Dan seterusnya seperti mana yang kita sedia tahu masih terdapat jurang antara kaum dan itu adalah hakikat dalam sebuah negara berbilang kaum. Ianya satu cabaran untuk memastikan jurang antara kaum ini tidak terus melebar. Dan Kerajaan akan mengambil inisiatif dan usaha untuk merapatkan jurang-jurang ini melalui pendekatan yang lebih holistik, melalui pendekatan yang lebih efektif.
15. Dan seterusnya apabila kita bercakap tentang jurang dalam rangkaian bekalan. Seseengah industri itu, seseengah sektor itu, rangkaian bekalannya hanya dikuasai oleh beberapa buah syarikat sebagai contoh. Monopoli beberapa buah syarikat, ini memberi kesan termasuklah apabila kita bercakap tentang kos sara hidup, tentang bekalan makanan dan sebagainya. Dan ini antara perkara yang dilihat dalam usaha untuk merapatkan jurang ekonomi.
16. Objektif yang kedua adalah untuk membangunkan ekonomi, menstruktur semula ekonomi. Jika kita lihat

sebelum ini, GDP negara berkembang pada kadar 5%, pada kadar 6%, pada kadar 4%.

17. Itu pertumbuhan GDP negara dari setahun ke setahun. Tetapi rakyat di bawah tertanya-tanya mengapa kita tidak merasai pertumbuhan ini? Ada yang tidak dapat merasai kemakmuran tersebut.
18. Sebab itulah apabila bercakap tentang konteks GDP itu sendiri, GDP ini biasanya secara umumnya *from* ekonomi perspektif digunakan untuk membandingkan pembangunan sebuah negara antara sebuah negara dan negara yang lain atau antara tahun.
19. Dan ianya tidak melambangkan kesejahteraan rakyat secara keseluruhannya. Jadi apabila kita bercakap tentang pembangunan negara, kita mahu negara itu membangun, negara makmur dan rakyat dapat merasai hasil pembangunan negara.
20. Dan inilah antara usaha yang akan dilakukan oleh Kerajaan dan penstrukturan semula ekonomi ini merupakan sesuatu yang amat kritikal, yang amat penting. Saya bagi contoh yang biasa saya berikan paling *simple*



hendak faham. Sewaktu saya balik dari Australia pada tahun 1999, pasaran pekerjaan pada waktu itu, gaji graduan antara RM1,500 hingga RM2,500 itu pada tahun 1999.

21. Sekarang tahun 2019, 20 tahun berlalu ada graduan keluar universiti masih sanggup terima RM1,500 bahkan ada yang sanggup terima RM1,000. Jadi *something wrong somewhere*. Sebab dalam tempoh 20 tahun itu inflasi terus meningkat. Inflasi terus meningkat apabila gaji itu *stagnant*, maka tekanan pada kos sara hidup cukup dirasakan. Jadi oleh itu kita perlu lihat, apakah yang menjadi punca utama kepada permasalahan ini.
  
22. Jadi penstrukturan semula ini amat penting terutamanya dalam konteks menumpukan pada ekonomi yang bernilai tinggi, menumpukan pada industri-industri bernilai tinggi. Jika kita lihat golongan-golongan B40 contohnya. Golongan B40 ini pendapatan mereka atau hasil sumber pendapatan mereka adalah dari gaji. Kebanyakan mereka berbanding T40 ini, dia ada pendapatan, *investment* dia ada, macam-macam, tetapi B40 di bawah ini bergantung semata-mata kebanyakan antara mereka adalah pada gaji.

23. Apabila gaji itu *stagnant*, gaji itu tidak naik dan kumpulan di atas ini akan terus berkembang, meningkat pendapatannya maka jurang itu semakin melebar. Jadi itulah antara usaha atau objektif kedua Kemakmuran Bersama ini adalah untuk merapatkan jurang, yang keduanya menstruktur semula ekonomi, dan yang ketiganya untuk membentuk sebuah negara bangsa yang bersatu-padu, hidup dalam harmoni supaya 2030 Malaysia ini boleh menjadi paksi untuk ekonomi Asia.
24. Itulah hasrat yang dinyatakan oleh YAB Perdana Menteri dalam konteks *Shared Prosperity* atau Kemakmuran Bersama. YAB Perdana Menteri menggunakan konsep *Shared Prosperity* atau Kemakmuran Bersama ini buat pertama kalinya sewaktu membentangkan Kajian Separuh Penggal RMKe-11 pada bulan Oktober tahun lepas.
25. Pada waktu itu pun telah dimulakan konsep sebagai contoh untuk memberi tumpuan pada wilayah-wilayah yang ketinggalan. Di mana dalam Kajian Separuh Penggal RMKe-11, 6 negeri diberi tumpuan utama dalam konteks pengagihan peruntukan pembangunan. 6 negeri ini Sabah, Sarawak, Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu. Jadi Perlis merupakan salah satu negeri

yang diberi tumpuan utama dalam konteks pembahagian peruntukan pembangunan.

26. Seterusnya, apabila kita bercakap tentang ekonomi negara, jika kita lihat pada ekonomi negara pada umumnya berkembang pada kadar 4.7% pada tahun 2018. Ini masih dalam sasaran kita antara 4.3% hingga 4.8%. Dan seperti mana yang kita tahu *trade war* antara Amerika Syarikat dan China selain isu-isu lain memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi dunia.
27. Ini merupakan satu cabaran untuk Malaysia. Namun kita bernasib baik kerana struktur ekonomi kita mempunyai *fundamental* yang baik, mempunyai *diversification* dari segi barangan yang dieksport, dari segi destinasi eksport. Maka ianya membentuk sekurang-kurangnya ada satu *buffer* apabila berlaku *trade war* seperti ini. Maka kita masih mampu meneruskan dagangan dengan negara-negara lain.
28. Walaupun ekonomi menunjukkan prestasi yang baik, Kerajaan sedar bahawa pelbagai isu-isu sosioekonomi yang memberi tekanan kepada rakyat, daripada itu YAB Perdana Menteri mengumumkan penubuhan Economic

Action Council (EAC) atau Majlis Tindakan Ekonomi pada 11 Februari 2019. Majlis Tindakan Ekonomi ini merupakan satu majlis yang *action-oriented*, melihat keadaan semasa dan mengambil tindakan.

29. Jadi saya ingin menyentuh satu keputusan yang dibuat oleh Majlis Tindakan Ekonomi dalam mesyuarat mereka, 2 hari lepas ada satu mesyuarat. Ini mesyuarat yang sebelum. Yang mana Majlis Tindakan Ekonomi membuat keputusan bahawa Kerajaan akan mengambil tindakan untuk memendekkan tempoh mendapatkan permit pembinaan atau *construction permit* daripada 390 hari kepada 90 hari.
30. Jadi antara isu yang selalu disampaikan kepada pihak Kerajaan dari industri terutamanya industri pembinaan adalah tempoh masa untuk mendapatkan permit 390 hari. Ada kontraktor kata kami boleh siapkan projek ini dalam masa setahun tetapi hendak mendapatkan permit setahun setengah. Jadi YAB Perdana Menteri memberikan perhatian bahawa ini perlu dipendekkan daripada 390 hari ke 90 hari.
31. Dan di sinilah kita ingin memohon jasa baik Kerajaan Negeri untuk turut membantu dalam konteks PBT dan

sebagainya untuk memastikan usaha kita usaha Kerajaan untuk memendekkan tempoh permit pembinaan ini daripada 390 hari ke 90 hari dapat dijayakan.

32. Dan seperti mana yang saya sebut sebentar tadi tentang peruntukan untuk Negeri Perlis. Perlis diberikan keutamaan dan YAB Menteri Besar telah menyebut tentang projek-projek pembangunan di Negeri Perlis termasuklah kawasan industri Lembah Chuping (CVIA).
33. Dan pada tahun 2019, satu projek baharu 2019 untuk Negeri Perlis iaitu penubuhan Universiti Kuala Lumpur - Asia Sustainable Transportation Institute di Negeri Perlis dengan kos sebanyak RM196 juta. Itu dari segi pendidikannya. Ini belum termasuk RM239 juta untuk UniMAP bagi membina beberapa pusat pengajian baharu.
34. Daripada jumlah ini sebanyak RM52 juta adalah projek baharu untuk tahun 2019. Selain daripada itu dalam konteks pendidikan juga, peruntukan sebanyak RM1.7 juta telah diberikan kepada Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kangar dalam konteks untuk perolehan peralatan latihan bagi menyediakan pelajar-pelajar dalam menghadapi Industrial Revolution ke-4.

35. Jadi jika kita lihat sektor pendidikan selain daripada sektor-sektor industri lain, sektor pendidikan merupakan satu tumpuan yang telah diberikan oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri dalam usaha membina modal insan yang lebih bersedia dalam menghadapi pasaran pekerjaan dalam masa akan datang.
36. Selain daripada itu, usaha untuk meningkatkan pelancongan di Negeri Perlis juga pelbagai usaha telah dibuat dan Kerajaan melalui PLANMalaysia akan menyediakan Pelan Induk Perancangan Fizikal Pelancongan Negeri Perlis pada tahun 2019 untuk mengoptimumkan potensi pelancongan di Negeri Perlis.
37. Jadi kita lihat pelancongan ini di negeri mana sekali pun bergantung pada produk-produk yang sedia ada, merupakan *low hanging fruits*. *Low hanging fruits* yang boleh dicapitalizekan. Dan saya suka berkongsi pengalaman saya di Australia. Lama di sana 20 tahun.
38. Pelancongan ini digunakan untuk menjana pendapatan yang cukup baik bagi setiap negeri dan negeri terakhir yang saya duduk ini adalah Tasmania, yang pulau di

bawah Australia itu pulau kecil. Kecil pun 2/3 saiz Semenanjung dan bentuk Australia nampak kecil.

39. Apa yang dilakukan oleh kerajaan Tasmania ini, Tasmania ini tiada industri. Dia ada pembalakan sedikit, *aquaculture*, *agriculture* dan *tourism*. Setiap inci Tasmania ini digunakan untuk menarik pelancong dan bagaimana satu faktor apa yang berlaku di Tasmania dulu, Presiden China, sebelum itu pelancong China tidak pergi. Presiden China pergi melawat Tasmania sekali. Lepas daripada itu, pelancong China daripada Tanah Besar China datang ke Tasmania dengan jumlah yang cukup besar. Dan ini merupakan satu *boost* kepada ekonomi yang sebelum ini agak senyap.
40. Jadi itulah apa yang hendak ditekankan bahawa kita di Kementerian Hal Ehwal Ekonomi menyedari untuk negeri-negeri termasuklah Perlis. Jika ada produk pelancongan yang baik ianya merupakan *low hanging fruits* yang patut dioptimumkan dan patut *dicapitalizekan* supaya ianya boleh diberi manfaat kepada negeri termasuklah Negeri Perlis.

41. Dan inilah dalam konteks kemudahan infrastruktur berkaitan dengan pelancongan ini beberapa projek fizikal sedang dilaksanakan dan termasuklah kerja-kerja pengerukan untuk keselamatan pelayaran bagi laluan bot dan feri di Basin Kuala Perlis, menaiktaraf taman awam Negeri Perlis dan projek pembinaan Terminal Pengangkutan Awam Bersepadu Negeri Perlis (Kangar Sentral).
  
42. Selain daripada itu, kemudahan Kompleks Imigresen, Kastam dan Kuarantin (ICQ) Padang Besar, Perlis, sedang dinaiktaraf dengan keseluruhan kesemua aktiviti pembangunan berjumlah hampir RM65 juta. Kita harap dapat meningkatkan sektor pelancongan di Negeri Perlis.
  
43. Itu adalah antara usaha-usaha antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam memastikan Negeri Perlis tidak ketinggalan, termasuklah dalam konteks pembangunan luar bandar. RM126 juta telah diperuntukkan bagi membina jalan perhubungan desa dan secara keseluruhannya jika kita lihat Perlis ini, setiap negeri itu mempunyai potensi masing-masing.



44. Apabila kita ke seluruh Malaysia dalam konteks libat urus RMKe-12 ini, kita tekankan bahawa kita sedar bahawa setiap negeri mempunyai isu yang unik kepada negeri tersebut pada masa yang sama setiap negeri mempunyai keunikan masing-masing. Sebab itu sesi libat urus ini amat penting untuk kita memahami apakah ruang yang dapat dioptimumkan untuk pembangunan negeri tersebut.
45. Dan tentang pembangunan di Negeri Perlis dan data-data pembangunan di Negeri Perlis ianya akan dibentangkan oleh Puan Noraini sekejap lagi. Di mana jika kita lihat secara umumnya, Perlis bergantung kepada sektor perkhidmatan dan pertanian. Kedua-dua sektor ini menyumbang kepada 87% kepada ekonomi Negeri Perlis di mana sektor perkhidmatan menyumbang kepada 66% dan sektor pertanian sebanyak 21%.
46. Ini merupakan 2 sektor utama untuk Negeri Perlis. Dan harini ini juga saya mengambil kesempatan untuk melihat dari sektor pelancongan contohnya petang ini saya ke Gua Kelam, Dato' Seri. Dan seterusnya ke Superfruit Valley. Saya sendiri meminta pada pihak Kementerian untuk mencari tempat-tempat yang terdapat gambaran di mana kita dapat lihat apa yang kita boleh lakukan untuk RMKe-12.

47. Sekurang-kurangnya kita tahu ada sedikit sebanyak gambaran, pegawai-pegawai pun ada. Jadi ini amat penting. *Engagement* ini amat penting untuk memastikan semuanya dapat ke bawah dan tengok apa potensi yang ada walaupun sekejap tetapi sekurang-kurangnya ianya satu permulaan untuk melihat potensi-potensi di Negeri Perlis.
48. Oleh itu saya rasa itu sahaja daripada saya dan saya amat berharap bahawa sesi ini dapat memberi satu hasil yang baik, merupakan satu permulaan yang baik. Dan saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada YAB Menteri Besar dan seluruh delegasi, seluruh tuan rumah daripada Kerajaan Negeri Perlis kerana sudi bersama-sama kami dari Kementerian Hal Ehwal Ekonomi untuk menjayakan sesi libat urus kita pada hari ini.

Sekian, Assalamualaikum WBT.